



TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

SEMPENA

**PRA PELANCARAN PORTAL
1MALAYSIA CIVIL SERVICE RETIREMENT
SUPPORT**

**1 APRIL 2014 (SELASA), 9.30 PAGI
AUDITORIUM HOSPITAL PUTRAJAYA**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Madinah Mohamad
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan**

**Yang Berbahagia Datuk Farida Mohd Ali
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan**

**Yang Berbahagia Datuk Jamil Haji Salleh
Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan**

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja
Dato' Haji Wan Mahmood Pawan Teh
Pengerusi Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia**

**Yang Berbahagia Datuk Omar Osman
Presiden Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed
Ahmad**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Pembangunan)**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim Seman
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Operasi)**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Nora'i Mohd Said
Pengarah Hospital Putrajaya**

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato',
Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya
kasihi sekalian.**

**Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T.
kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua
kita dapat bersama-sama pada hari yang
bersejarah ini untuk menyaksikan sebuah lagi**

pelancaran projek di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa Kerja Majlis iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Putrajaya selaku tuan rumah dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Mudah-mudahan kerjasama erat ini akan berterusan pada masa-masa akan datang sebagai satu wadah strategik dalam memastikan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat.

3. 1Malaysia Civil Service Retirement Support ini merupakan satu projek istimewa yang sangat signifikan dan bermakna untuk kita semua terutamanya kepada golongan pesara

Perkhidmatan Awam. Ia merupakan satu inisiatif terbaharu untuk menjaga kebajikan pesara penjawat awam di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dan diterajui oleh JPA.

4. Pesara Kerajaan merupakan aset negara yang memerlukan perhatian, penghargaan dan penjagaan kebajikan bagi memastikan kelangsungan produktiviti mereka kepada negara dan masyarakat. Inisiatif ini menggambarkan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan satu bentuk perkhidmatan yang holistik dan merentasi pelbagai agensi kepada pesara penjawat awam. Ia memberi fokus kepada keperluan pesara seperti penjagaan kesihatan, kesejahteraan pesara, keusahawanan dan pengurusan kewangan.

5. Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support akan menjadi satu pusat setempat bagi perkhidmatan pesara Kerajaan di mana pelbagai perkhidmatan daripada pelbagai agensi sama ada agensi Kerajaan atau bukan Kerajaan dapat diperoleh di sini.

MEMACU TRANSFORMASI, MEMETA KEJAYAAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

6. Hari ini, perubahan berlaku dengan begitu pesat. Ekspektasi dan kehendak rakyat terhadap Perkhidmatan Awam semakin meningkat. Sementara kita tampil dengan idea-idea dan inisiatif baharu untuk memenuhi kehendak rakyat, di saat itu jualah ekspektasi mereka berkehendakkan kepada perkara yang lebih baik. Tidak ada negara di dunia yang terkecuali daripada arus perubahan ini.

7. Sebab itulah kita melaksanakan transformasi. Dasar Transformasi Nasional telah menggariskan transformasi yang kita laksanakan mencakupi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Sosial dan Politik. Kemudian, kita laksanakan Transformasi Perkhidmatan Awam sebagai memperkukuhkan agenda transformasi Kerajaan ini melalui 5 teras strategik iaitu Mendaya Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, Merangkum dan Sepunya dan Membudaya Nilai.

8. Kelima-lima teras ini adalah bertujuan untuk kita terus melonjakkan pencapaian negara ke arah mentransformasikan Malaysia di persada dunia. Kita boleh lihat hari ini Malaysia telah mengukir nama dalam pelbagai penarafan. Dari segi bakat terbaik, Malaysia berada di kedudukan ke-37 daripada 103 negara menurut The Global Talent

Competitiveness Index Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh INSEAD. Kedudukan ini turut meletakkan Malaysia di kedudukan ke-2 terbaik dalam kalangan kumpulan negara Upper Middle Income.

9. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih perlu diperbaiki. Banyak usaha yang harus dilaksanakan bagi terus mengangkat kedudukan negara di tempat yang lebih tinggi. Kita boleh melihat kedudukan Malaysia pada hari ini dalam konteks bilangan tenaga pakar dalam bidang perubatan. Perbandingan Peratusan Pegawai Perubatan Pakar dan Bukan Pakar di Malaysia dan Negara-Negara OECD telah menunjukkan Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara maju yang lain.

10. Oleh yang demikian, kita perlu berusaha dengan lebih gigih mendaya upayakan bakat terbaik negara bagi memastikan kelangsungan kejayaan agenda transformasi ini. In Shaa Allah saya percaya dengan komitmen dan kesungguhan kita semua menggalas amanah, nama Malaysia akan terus harum dan mekar di pentas antarabangsa.

**1MALAYSIA CIVIL SERVICE RETIREMENT
SUPPORT: INISIATIF BITARA BERIMPAK TINGGI**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Mengikut unjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduknya. Ini dinyatakan dalam Dasar Warga

Emas Negara yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

12. Setiap orang dari kita akan menjadi tua. Setelah berkhidmat demikian lama, akhirnya setiap orang akan bersara dari perkhidmatan tidak kiralah jawatan apa pun yang dipegang. Pada hari ini, jumlah pesara penjawat awam adalah seramai 610,000 orang termasuk 55,000 pesara tentera. Jumlah ini adalah sebuah jumlah yang besar yang sebenarnya masih berupaya menyumbangkan sesuatu kepada negara.

13. Namun begitu, ada dalam kalangan golongan pesara ini yang merasakan diri mereka menjadi golongan kelas kedua dan terpinggir selepas bersara dari perkhidmatan. Justeru itu, kita percaya golongan pesara ini memerlukan perhatian, penghargaan dan kebajikan berterusan

yang dapat memastikan kelangsungan produktiviti mereka sebagai anggota masyarakat.

14. Kita boleh berbangga kini apabila JPA yang menerajui pengurusan hal ehwal pencen dan faedah persaraan kepada para pesara penjawat awam, kini mengorak langkah proaktif ke hadapan apabila memperkenalkan inisiatif bitara ini supaya kesejahteraan pesara sentiasa terpelihara seiring dengan perkembangan zaman. Justeru itu, Portal ini adalah merupakan sebuah pendekatan strategik bagi tujuan memberi lebih kemudahan kepada pesara.

15. Di bawah Projek NBOS JPA 1Malaysia Civil Service Retirement Support ini, tumpuan akan diberikan kepada lima tonggak utama iaitu:

- (a) Kelangsungan Kesihatan;**
- (b) Panduan Bekerja Semula;**
- (c) Pembangunan Keusahawanan;**
- (d) Pengurusan Kewangan; dan**
- (e) Kesejahteraan Pesara.**

16. Hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh JPA mengenai kecenderungan perspektif golongan pesara di antara kelima-lima tonggak ini menunjukkan 80.76% pesara menitikberatkan isu kesihatan diikuti oleh isu kesejahteraan dan bantuan pengurusan kewangan. Sebab itulah bagi tujuan Pra Pelancaran Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support ini, kita memberi tumpuan kepada aspek berkaitan isu kesihatan terlebih dahulu. Empat lagi tumpuan 1Malaysia

Civil Service Retirement Support ini akan dilengkapi dan diperhalusi untuk dilancarkan sepenuhnya pada bulan Jun 2014 kelak. In Shaa Allah.

17. Maka, kita berada di Hospital Putrajaya pada hari ini adalah untuk turut melancarkan dua kemudahan kepada golongan pesara iaitu Laluan Pantas atau Rapid Lane dan Kemudahan Saringan Kesihatan kepada Pesara.

18. Secara ringkasnya Laluan Pantas adalah bertujuan untuk memudahkan pesara dengan cara memendekkan tempoh masa pendaftaran apabila hadir ke hospital dan klinik kerajaan manakala Saringan Kesihatan percuma kepada pesara pula adalah untuk mengenal pasti dari awal tentang penyakit-penyakit kronik yang mungkin dihidapi oleh pesara yang masih belum ada sebarang rekod kesihatan di mana-mana hospital atau klinik.

Para pesara Kerajaan yang saya kasihi sekalian,

19. Laluan Pantas sebenarnya telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, namun sebagai pendedahan yang lebih meluas kepada masyarakat dan golongan warga emas terutamanya pesara, penjenamaan semula di bawah inisiatif NBOS dengan nama Laluan Pantas atau Rapid Lane dilaksanakan. Laluan Pantas ini adalah sebagai tanda keutamaan yang diberikan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menjaga kebajikan golongan warga emas, pesara dan orang kelainan upaya.

20. Ia dilaksanakan secara penetapan waktu temujanji berperingkat kepada pesakit. Setiap yang mempunyai temujanji perlu hadir setengah jam lebih awal dari masa yang dijanjikan dan mengambil nombor pendaftaran. Seterusnya nombor pendaftaran akan dipanggil ke kaunter

dan pesakit akan didaftarkan mengikut masa temujanji masing-masing. Perkara ini perlu dipatuhi supaya peranan Laluan Pantas ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ia bertujuan memendekkan masa menunggu kepada golongan warga emas, pesara dan orang kelainan upaya yang mematuhi waktu temu janji yang telah ditetapkan.

21. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 “Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam” telah menetapkan penjawat awam yang berumur 40 tahun dan ke atas menjalani saringan kesihatan. Susulan dari itu, sebagai tanda keprihatinan pihak Kerajaan dan demi menjaga kebajikan golongan pesara yang telah banyak menabur bakti sepanjang perkhidmatan sebagai penjawat awam, inisiatif NBOS JPA bersama Kementerian Kesihatan telah

memanjangkan perkhidmatan kemudahan saringan kesihatan ini kepada golongan pesara.

22. Saringan kesihatan ini dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan sahaja dan hanya layak kepada pesara yang belum pernah mempunyai sebarang rekod kesihatan dengan mana-mana hospital/klinik Kerajaan dan tidak disahkan mengidap penyakit kronik yang memerlukan rawatan susulan. Saringan kesihatan ini adalah percuma kepada pesara yang menunjukkan kad pesara sewaktu pendaftaran. Maklumat berkaitan prosedur pendaftaran dan borang permohonan untuk Saringan Kesihatan telah dimuat naik ke dalam Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support untuk kemudahan pesara.

23. Daripada statistik kajian yang dibuat Kementerian Kesihatan sehingga akhir 2013, sebanyak 65.7% (kira-kira 1.6 juta) warga emas termasuk golongan pesara telah didaftarkan di klinik-klinik kesihatan kerajaan melebihi sasaran ditetapkan iaitu 60%. Justeru, sasaran ini telah dinaikkan kepada 70% untuk tahun 2014 bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Melaksanakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas iaitu sebanyak 75% pada tahun 2015 nanti.

24. Sungguhpun demikian, melalui Portal ini kelak, kita menjangkakan akan dapat mengenalpasti dengan lebih khusus iaitu bilangan pesara penjawat awam yang telah berdaftar di hospital/ klinik kerajaan. Ini bagi memudahkan Kerajaan mengenalpasti, menambahbaik dan memberikan lebih publisiti tentang kemudahan yang tersedia untuk golongan pesara penjawat awam.

PENUTUP

Para pesara Kerajaan dan hadirin yang saya kasihi sekalian,

25. Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support merupakan satu titik tolak ke arah kita melaksanakan lebih banyak lagi perkhidmatan untuk pesara. Di antara perkhidmatan yang sedang diuruskan dan dijangka akan dilaksanakan sebelum Julai 2014 ini adalah Karnival Pekerja dan Seminar Kebangsaan Pesara serta latihan pengurusan kewangan khas untuk para pesara.

26. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Hospital Putrajaya, Kementerian Kesihatan dan JPA di atas sumbangan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Majlis Pra Pelancaran Portal 1Malaysia Civil Service Retirement Support.

27. Saya yakin dan percaya dengan sikap komited dan berbekalkan iltizam yang tinggi, kita semua akan berjaya merealisasikan agenda transformasi negara dan transformasi Perkhidmatan Awam yang sedang giat kita laksanakan hari ini. Mudah-mudahan segala usaha murni yang kita gembelengkan akan mendapat keredhaan Allah S.W.T. jua. In Shaa Allah.

28. Sebagai mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menutupnya dengan serangkap pantun:

**Berkhidmat berjasa bersatu padu,
Pahatkan dengan kesungguhan di dada,
Menjadi sebutan hingga akhir nanti;
Laluan Pantas kurang menunggu,
Saringan Kesihatan langkah berjaga,
Buat pesara yang banyak berbudi.**

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu
alaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Terima
kasih.**